

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2021)**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI RICHARD RIOT ANAK JAEM
(SERIAN)**

TARIKH JAWAB : 1 NOVEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

DATO' SRI RICHARD RIOT ANAK JAEM minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan bilakah Balai Bomba dan Penyelamat akan dibina di bandar Mutiara, Tebedu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Kementerian sentiasa komited dalam memperluaskan capaian perkhidmatan kebombaanan bagi memastikan aspek keselamatan dan kesejahteraan rakyat terus terjamin.

Pada masa kini, kawasan Bandar Mutiara, Tebedu telah mendapat khidmat kebombaanan daripada Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Serian dengan jarak 38 kilometer yang mengambil masa lebih kurang 40 minit untuk sampai ke kawasan tersebut.

Berhubung dengan cadangan pembinaan balai bomba di kawasan Tebedu, Kementerian melalui Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) telah memiliki sebidang tapak tanah seluas 2.92 ekar di kawasan tersebut bagi tujuan pembinaan balai bomba kategori D. Cadangan pembinaan Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Tebedu ini telah dirancang untuk dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) mengikut keutamaan. Walau bagaimanapun, pelaksanaannya bergantung kepada kelulusan agensi pusat serta keupayaan peruntukan kewangan semasa.

Bagi memastikan penduduk di kawasan Tebedu mendapat perkhidmatan kebombaanan yang sewajarnya, Kementerian melalui JBPM juga telah merancang untuk mempertingkatkan penubuhan Bomba Komuniti di kawasan tersebut yang akan bertindak sebagai pasukan tindak balas awal kecemasan (*first responder*) sementara menunggu ketibaan anggota bomba dari balai yang berhampiran. Pada masa kini, di kawasan Tebedu terdapat sebanyak 12 Pasukan Bomba Komuniti yang mendapat latihan dan dibekalkan dengan alat pemadam api oleh JBPM Negeri Sarawak.

SOALAN NO : 29

Selain itu, pemerksaan pembudayaan amalan keselamatan kebakaran dalam kalangan komuniti setempat kawasan Tebedu juga akan terus dipertingkatkan melalui pelaksanaan program-program seperti berikut:

- i. mewujudkan **Program *Community Emergency Response Team (CERT)*** melalui inisiatif Kerajaan Negeri Sarawak yang bertujuan untuk melatih masyarakat tempatan di suatu lokaliti sebagai Pasukan Bertindak Awal (*First Responder*);
- ii. mempertingkatkan kempen kesedaran keselamatan kebakaran termasuk Program 1 Rumah Satu Alat Pemadam Api (**1RAPI**), Program Sedia Urus Isi Rumah (**SURI**) dan penyediaan alat pengesanan asap serta gas (**MyAlert**);
- iii. mempergiatkan **program latihan dan pencegahan** di kawasan-kawasan luar bandar/ pedalaman (*Outreach and Summer Camp*) melibatkan hampir 13 kampung di kawasan Tebedu bermula dari tahun 2019 sehingga 2020.